

TINGKATAN 4 & 5


PRINSIP PERAKAUNAN

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA




Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia
2009



PRINSIP PERAKAUNAN

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



Cetakan Pertama 2009

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Huraian sukatan pelajaran prinsip perakaunan : kurikulum bersepadu sekolah
Menengah.

ISBN 978-967-5094-32-3

1. Accounting—Study and teaching (Secondary). 2. Accounting—Outlines,
syllabi,
etc.
657.0712

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Kata Pengantar	vii
Pendahuluan	ix
Matlamat	x
Objektif	xii
Organisasi Kurikulum	xiv
Strategi Pembelajaran Bermakna	xv
Kajian Kes dan Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah (Case Study and Problem –Based Learning)	xvi
Penggunaan Komputer dan Perisian Perakaunan	xvi
Penggunaan Mesin Kira	xvii
Agihan Peruntukan Waktu Mengajar Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	xviii

Huraian Sukatan Pelajaran

1. Pengenalan Kepada Perakaunan	1
2. Klasifikasi Akaun : Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil, Belanja dan Akaun Kontra	7
3. Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat	9
4. Jurnal Sebagai Buku Catatan Pertama	10
5. Lejar	11
6. Imbangan Duga dan Penyata Kewangan (Tanpa Pelarasan)	13
7. Penyata Kewangan – Milikan Tunggal	15
8. Perakaunan Untuk Tunai	18
9. Perakaunan Untuk Penggajian	19
10. Perkongsian	21
11. Syarikat Berhad (Tidak Tersejarah)	23
12. Kelab dan Persatuan	24
13. Rekod Tak Lengkap	25
14. Pengenalan Kepada Perakaunan Pengurusan	26
15. Maklumat Untuk Membuat Keputusan	28

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG KESOPANAN DAN KESUSILAAN

berikut:-

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip

dan teknologi moden;

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains

RUKUN NEGARA

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Kurikulum pendidikan perakaunan mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyediakan warga Malaysia yang dapat menghadapi cabaran era globalisasi dalam abad 21.

Pengubalan kurikulum ini telah mengambil kira keperluan tenaga kerja negara dan perkembangan teknologi. Selaras dengan matlamat pendidikan perakaunan iaitu untuk melahirkan profesional perakaunan lepasan sekolah yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri ataupun bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, kurikulum ini juga dapat menyediakan seorang insan yang mempunyai nilai murni, etika kerja yang cemerlang dan bertanggungjawab terhadap persekitarannya.

Kurikulum pendidikan perakaunan disediakan sebagai panduan kepada guru dalam usaha membimbing murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran dengan berkesan. Penguasaan prinsip dan konsep perakaunan dalam mata pelajaran ini melalui pelbagai aktiviti pembelajaran akan dapat membantu murid menguasai pengetahuan asas bidang yang dipelajari bagi membangunkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020.

Setiap murid mempunyai keupayaan dan cara belajar yang berbeza. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu digunakan supaya proses penerimaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran menjadi lebih berkesan. Justeru, kurikulum yang holistik bersifat autentik mengabungkan falsafah, teori dan amalan menggunakan pendekatan kontekstual bagi menghasilkan pembelajaran bermakna diperkenalkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih fleksibel dan berkesan.

Kurikulum ini juga digubal untuk memenuhi keperluan artikulasi bagi melengkapkan diri murid meneruskan laluan melanjutkan pengajian di bidang perakaunan ke peringkat lebih tinggi atau sebagai persediaan ke dunia pekerjaan yang menjalankan pekerjaan yang berkaitan dengan perakaunan.

Bagi menjadikan kurikulum pendidikan perakaunan ini lebih mantap dan relevan, usaha dan kerjasama berterusan dengan pihak berkepentingan (stakeholder) perakaunan seperti majikan / industri, badan profesional, badan penguatkuasa, lembaga pengubal dan penentu piawaian perakaunan, pendidik serta institusi akademik dijalankan dari semasa ke semasa.

Kementerian Pelajaran Malaysia merakamkan penghargaan kepada semua guru, badan profesional perakaunan, pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pihak industri dan semua pihak yang telah menyumbangkan idea, kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya kurikulum ini.

(Dato' Haji Alim Ladin bin Haji Mohd Dom)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

PENDAHULUAN

Pendidikan di Malaysia adalah satu proses pembelajaran yang berterusan untuk membina insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam pada itu adalah menjadi hasrat negara untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, kompeten dan berkeترampilan untuk mengisi keperluan tenaga manusia. Ini sejajar dengan usaha negara untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi menerusi pemodenan dan pelbagai. Kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan amat diperlukan untuk meningkatkan produktiviti negara dan meletakkan negara di peringkat yang lebih kompetitif bagi menghadapi persaingan di alaf globalisasi. Justeru itu ilmu dan kemahiran perakaunan sangat diperlukan sebagai asas kepada fungsi dan proses pengurusan yang berkesan.

Sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan disemak semula bagi membolehkan murid-murid mendapat kemahiran sebenarnya memenuhi keperluan badan profesional dalam menyediakan satu set lengkap rekod perakaunan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan mengikut prinsip perakaunan yang diterima pakai serta mentafsir maklumat kewangan yang telah disediakan. Dalam Prinsip Perakaunan, murid-murid didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, proses lengkap penyediaan nyata kewangan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekosan. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, murid-murid juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan serta menganalisis maklumat untuk membuat keputusan selaras dengan keperluan k-ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat semasa.

MATLAMAT

Prinsip Perakaunan merupakan satu pengajian asas perakaunan yang bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran perakaunan, berakauntabiliti, berfikir kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan seperti yang dinyatakan dalam objektif pembelajaran. Matlamat ini diperincikan satu demi satu dalam definisi yang ditunjukkan dibawah:

Matlamat

Definisi

1. Perakaunan sebagai satu Pengajian asas merangkumi kebolehan menyepadukan ilmu kitaran perakaunan dengan nilai murni, adab dan etika kerja perakaunan untuk memahami dan menilai prestasi perniagaan.
2. Akauntabiliti Bertanggungjawab kepada Pencipta, diri, masyarakat dan negara ke atas keputusan dan tindakan yang diambil.
3. Pemikiran kritikal dan Berkeupayaan berfikir secara kritis serta reflektif (mengimbas kembali) dalam pelbagai situasi perniagaan dengan mengambil pendekatan yang menyeluruh dan melakukan muhasabah diri.
4. Budaya kerja yang beretika Mengamalkan budaya kerja yang beretika berasaskan sifat teliti, teratur, tekun, mematuhi masa dan mematuhi peraturan serta boleh membezakan antara amalan kreatif dengan amalan penipuan (*fraudulent practices*).
5. Berpengetahuan dalam Berupaya dan mahir menggunakan ICT (internet, perisian asas dan perisian perakaunan).

6. Pembelajaran sepanjang hayat
Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat melalui pembelajaran akses sendiri, terarah sendiri dan penilaian sendiri.

7. Kemahiran berkomunikasi
Berkemahiran dalam komunikasi lisan dan bukan lisan dengan berkesan yakni berupaya menyampaikan ide dengan jelas dan yakin. Berkemahiran untuk menjadi pendengar yang baik dan berkomunikasi secara interpersonal dengan beradab, sama ada dalam menjalankan tugas yang berkaitan perakaunan atau yang lain.

8. Pendekatan pembelajaran bermakna
Mewujudkan pembelajaran bermakna dengan menghubungkan teori dan amalan perakaunan dalam pendekatan kontekstual dan autentik (berkebolehan

OBJEKTIF

Kurikulum Prinsip Perakaunan mempunyai objektifnya tersendiri bagi membolehkan pelajar:

Objektif Pembelajaran

1. Menghuraikan konsep dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan.

constraints on relevant and reliable information and, true & fair view/ presentation dan piawaian perakaunan, termasuk pengenalan kepada perakaunan dalam Islam. Juga merangkumi pengenalan kepada badan-badan yang berkaitan dengan profesion perakaunan, adab dan kod etika profesion perakaunan.

2. Menyediakan satu set akaun yang lengkap untuk perniagaan milikan tunggal secara manual dan komputer; akaun penamat untuk perkongsian, kelab dan persatuan serta menghitung nilai pendapatan, aset dan liabiliti dalam keadaan rekod tak lengkap.

Menyediakan akaun penamat untuk perkongsian, kelab dan persatuan berdasarkan maklumat lengkap. Menghitung nilai pendapatan, aset dan liabiliti dalam keadaan rekod tak lengkap menggunakan kaedah perbandingan dan kaedah analisis akaun-akaun yang relevan.

Huraian

3. Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai dalam menyediakan belanjawan tunai, nyata penyesuaian bank dan buku tunai (jurnal penerimaan dan penyata penyesuaian bank dan buku tunai (jurnal penerimaan dan runcit sistem panjar (imprest system)

4. Membuat perbandingan antara jenis perniagaan dari aspek perakunaan bagi permilikan (ownership), agihan untung dan rugi (profit distribution), penubuhan dan pembubaran (formation and dissolution), dan persembahan penyata kewangan.
5. Mengaplikasikan analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan.
6. Menilai prestasi kewangan Mengira serta mentafsirkan nisbah kecairan (nisbah semasa), nisbah keberuntungan (nisbah peratus untung kasar atas kos jualan), peratus (tokokan/mark-up), peratus untung kasar atas kos jualan), peratus bersih atas jualan (pulangan atas modal) dan nisbah aktiviti (kadar pusing ganti stok), tempoh kutipan dan pembayaran hutang, nisbah semasa termasuk nisbah ujian mampu, pulangan atas modal (milikan tunggal, perkongsian dan syarikat berhad) dalam membuat rumusan prestasi kewangan seseorang perniagaan.
7. Mempamerkan kemahiran berkumpulan, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesional dalam melaksanakan aktiviti perakunaan.
8. Mampu menggunakan teknologi maklumat dalam bidang maklumat dan mahir menggunakan Berupaya dan mahir menggunakan ICT seperti melayari internet, menggunakan perisian asas komputer dan perisian perakunaan dalam menjana maklumat dan mempersembahkan perakunaan.

ORGANISASI KURIKULUM

Kurikulum Prinsip Perakunan dibentuk berdasarkan aspek teori dan amalan perakunan yang dipadukan dalam 15 tajuk pembelajaran. Tajuk-tajuk berkenaan merangkumi dua (2) bidang iaitu perakunan kewangan dan pengkosaan. Urutan dan gabung jalin antara satu tajuk ke tajuk yang lain dirancang mengikut kitaran perakunan. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bermula dari pemahaman falsafah, konsep dan prinsip serta diperkukuhkan dengan kemahiran mengklasifikasi, merekod, menganalisis, mentafsir dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan sebenar seperti amalan industri dan memenuhi keperluan sukatan pelajaran badan profesional pada peringkat yang setara.

Penyampaian kurikulum mata pelajaran ini adalah berdasarkan kepada amalan proses kerja perakunan yang dijalankan dari satu peringkat ke satu peringkat dan lain yang dinamakan Kitaran Perakunan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, nilai-nilai murni, adab dan etika perakunan dipadukan secara langsung dan tidak langsung. Pendekatan yang digunakan seharusnya dapat menggalakkan murid menguasai pelbagai kemahiran pembelajaran dan kemahiran generik yang berteraskan kemahiran berfikir secara kritis dan reflektif. Guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, khususnya yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sesuai dengan pendidikan alaf baru. Kebijaksanaan dan kreativiti guru amat perlu untuk menggalakkan murid menggunakan potensi kecerdasan pelbagai mereka secara optimum.

Pelaksanaan kurikulum Prinsip Perakunan Semak Semula yang memenuhi keperluan badan profesional perakunan seperti MSAB, MIA, MICPA, CIMA, ACCA dan LCCI mampu memberikan modal insan yang dapat melahirkan profesional perakunan peringkat sekolah bertaraf antarabangsa, berilmu dan dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk diri sendiri, masyarakat dan negara serta menyumbang kepada pembangunan negara maju 2020.

STRATEGI PEMBELAJARAN BERMAKNA

Pendekatan kontekstual yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu melalui proses motivasi, pemahaman, aplikasi serta imbasan kembali dan penilaian. Kebolehan melakukan (hands-on) dan berfikir (minds-on) merupakan asas pendekatan kontekstual. Paduan kedua-duanya akan mendorong naluri ingin tahu murid dan menjadikan pembelajaran suatu aktiviti bermakna kepada mereka.

Aspek teori yang memerlukan kemahiran berfikir (minds-on) dan kemahiran melakukan (hands-on) disepadukan untuk mencapai objektif kurikulum dan memenuhi keperluan murid dalam pendidikan perakaunan. Melalui pendekatan ini murid akan dapat:

- (i) Memahami aspek-aspek asas perakaunan dan dapat memberikan rasional apa, mengapa dan bagaimana;
- (ii) Menghargai kepentingan dan nilai perakaunan kepada individu, perniagaan dan kerajaan;
- (iii) Melatih murid membentuk teknik pemikiran yang logik dan kritis melalui proses menyediakan rekod, mentafsir, menganalisis dan mengungkap maklumat dan data perakaunan;
- (iv) Mengetahui peranan alat-alat elektronik (ICT) yang membantu dalam bidang perakaunan;
- (v) Memahami bahasa perakaunan sebagai bahasa perniagaan yang digunakan untuk menilai prestasi dan perkembangan sesuatu usaha perniagaan dengan bijak berdasarkan penyata kewangan yang dibuat dari semasa ke semasa;
- (vi) Menguasai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan bagi membolehkan mereka bekerja dengan baik dan seterusnya memajukan diri dalam kerjaya;
- (vii) Membina minat dan kecenderungan untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi (profesional) dalam bidang perakaunan;

- (viii) Menghayati nilai-nilai murni dan membina sifat-sifat positif yang boleh meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam apa sahaja bidang kerja yang diceburi.

KAJIAN KES DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENYELESAIAN MASALAH (CASE STUDY AND PROBLEM- BASED LEARNING)

Aspek kompetensi yang menggabungkan pengetahuan, kemahiran hands-on, nilai dan adab ditegaskan bagi membolehkan murid menggunakan prinsip dan kaedah asas perakunaan yang dipelajari dalam sesuatu situasi perniagaan berdasarkan kes dan masalah yang autentik dan realistik. Kajian kes perakunaan melibatkan tugas mentafsir, menganalisis maklumat dan mengungkapkan data perakunaan dapat membina atau meluaskan daya dan ruang pemikiran secara berstruktur. Manakala pembelajaran perakunaan berasaskan masalah (PBM) membawa murid kepada satu pendekatan pembelajaran konstruktivis dalam menyelesaikan masalah perakunaan dalam persekitaran sebenar. Kerjasama di kalangan murid merupakan kunci utama kejayaan kaedah pembelajaran ini.

PENGUNAAN KOMPUTER DAN PERISIAN PERAKAUNAN

Selaras dengan perkembangan ICT, komputer memainkan peranan dalam pengendalian tugas perakunaan. Murid akan didedahkan dengan penggunaan komputer dalam sistem perakunaan berkomputer. Oleh yang demikian, aspek pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi dan maklumat (ICT) melalui penggunaan komputer dan perisian perakunaan dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran semak semula bagi mengisi jurang kemahiran yang terhasil kesan daripada sukatan pelajaran yang lalu. Melalui pengintegrasian komputer dan penggunaan perisian perakunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, murid berpeluang mempamerkan kompetensi yang diperlukan dalam penyediaan satu set lengkap akaun. Murid juga sedar akan kepentingan teknologi moden yang boleh membantu dan memberi manfaat kepada bidang kerja perakunaan selaras dengan keperluan industri perakunaan.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer hendaklah dijalankan bagi mencapai hasil pembelajaran yang tersurat dalam kurikulum dan sukatan pelajaran semak semula mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

PENGUNAAN MESIN KIRA

Pendidikan perakaunan masa kini yang mementingkan pendidikan sistem perakaunan berkomputer, turut juga menekankan keperluan penggunaan alat elektronik seperti mesin kira fizikal dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan di bilik darjah. Penggunaan mesin kira fizikal atau mesin kira digital dapat membantu murid dengan kerja pengiraan manual. Penggunaan mesin kira ini akan memberi lebih banyak masa untuk murid memberi tumpuan dan penghargaan kepada ilmun dalam perakaunan. Oleh itu penggunaan alat mesin kira berbentuk fizikal perlu digunakan terutama semasa peperiksaan.

Agihan Peruntukan Waktu Mengajar
Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

1	1.1 Pendedahan kepada Penyata Kewangan 1.2 Sejarah Perakaunan 1.3 Bentuk Organisasi 1.4 Perakaunan dan Simpan Kira 1.5 Persekitaran Perakaunan di Malaysia 1.6 Konsep, Prinsip dan Andalan Perakaunan serta Ciri Kualitatif Penyata Kewangan 1.7 Kitaran Perakaunan	10		10
2	Klasifikasi Akaun: Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil, Belanja Dan Akaun Kontra 2.1 Aset 2.2 Liabiliti 2.3 Ekuiti Pemilik 2.4 Hasil 2.5 Belanja 2.6 Akaun Kontra 2.7 Carta Akaun 2.8 Persamaan Perakaunan 2.9 Sistem Catatan Bergu	24		24
3	Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat 3.1 Fungsi dan Jenis Dokumen dalam Perniagaan 3.2 Aliran Dokumen antara Pembeli dan Penjual	8		8
4	Jurnal Sebagai Buku Catatan Pertama 4.1 Fungsi dan Jenis Jurnal	12		12
5	Lejar 5.1 Fungsi dan Jenis Lejar 5.2 Akaun Kawalan	32		32

6	Imbangan Duga 6.1 Fungsional Imbangan Duga 6.2 Hubungan antara Imbangan Duga dan Penyata Kewangan	16			
7	Penyata Kewangan - Milikan Tunggal 7.1 Pelarasan Akaun 7.2 Penutupan Akaun 7.3 Penyata Pendapatan 7.4 Kunci Kira-kira	56			56
8	Perakaunan Untuk Tunai 8.1 Kawalan Tunai 8.2 Penyata Penyesuaian Bank 8.3 Belanjawan Tunai dan Penyata Varian	18			18
9	Perakaunan Untuk Penggajian 9.1 Dokumen Penggajian 9.2 Kawalan dalam Penggajian 9.3 Pengiraan Gaji 9.4 Kesan Penggajian ke atas Pendapatan	8			8
10	Perkongasian 10.1 Penubuhan Perkongasian 10.2 Ekuiti Pemilik dalam Perkongasian 10.3 Akaun Penamat 10.4 Kunci Kira-kira 10.5 Pembubaran Perkongasian	20			20
11	Syarikat Berhad (Tidak Tersenarai) 11.1 Penubuhan Syarikat Berhad 11.2 Bentuk Modal 11.3 Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira Syarikat	12			12

12	Akaun Kelab Dan Persatuan 12.1 Penubuhan Kelab dan Persatuan 12.2 Perbandingan Perakauan Kelab dan Persatuan dengan Perakauan Entiti Perniagaan 12.3 Yuran 12.4 Penyata Penerimaan dan Pembayaran 12.5 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 12.6 Kunci Kira-kira			16	16
13	Rekod Tak Lengkap 13.1 Punca Rekod Tak Lengkap 13.2 Kesan Rekod Tak Lengkap ke atas Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira 13.3 Penentuan Pendapatan 13.4 Penentuan Aset dan Liabiliti dalam Kunci Kira-kira			16	16
14	Pengenalan Kepada Perakauan Pengurusan 14.1 Konsep Kos 14.2 Kos Pengeluaran 14.3 Akaun Pengeluaran 14.4 Analisis Kos Volum Untung			20	20
15	Maklumat Untuk Membuat Keputusan 15.1 Maklumat Pengurusan 15.2 Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah 15.3 Mentafsir Nisbah			12	12
	Jumlah Waktu	158	122	280	

TAJUK 1: PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
1.1 Pendedahan Kepada Penyata Kewangan (a) Jenis-jenis Penyata Kewangan (b) Tujuan Penyata Kewangan (c) Tajuk Penyata Kewangan (d) Komponen setiap jenis Penyata Kewangan (e) Pihak yang bertanggungjawab ke atas penyediaan Penyata Kewangan (f) Pengguna Penyata Kewangan (g) Kepentingan Penyata Kewangan dalam perniagaan	1. Mengenal pasti jenis Penyata Kewangan iaitu Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira. 2. Menyatakan tujuan penyediaan Penyata Kewangan. 3. Menyatakan tajuk Penyata Kewangan. 4. Menyatakan komponen –komponen dalam Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira. 5. Menyatakan pihak yang bertanggungjawab ke atas penyediaan Penyata Kewangan. 6. Mengenal pasti dan menyenaraikan pengguna Penyata Kewangan. 7. Menyatakan kepentingan Penyata Kewangan dalam perniagaan.	Penerangan Sumbangsan Aktiviti kumpulan Aplikasi TMK – Laman web Bahan maajud: (laporan kewangan tahunan perniagaan sebenar, surat khabar, buletin dan jurnal perniagaan)

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
1.2 Sejarah Perakajaan (a) Permulaan menyimpan rekod secara sistemik (b) Permulaan catatan bergu (c) Perkembangan Sistem Perakajaan: (i) Falsafah Perakajaan Islam Dan Konvensional Konsep Pendedahan vs Konsep Pendedahan dan konsep Penemuan (Disclosure vs Discovery) (ii) Falsafah Pelaporan Kos Sejarah dan Nilai Saksama (Historical dan Fair Value Reporting) (iii) Proses Perakajaan (Manual Dan Berkomputer) (d) Perakajaan Sebagai Profesion: (i) Maksud Profesional (ii) Akauntan Sebagai Pemimpin (iii) Keperluan Kod Etika Profesion Perakajaan	1. Menerangkan sejarah perakajaan bermula dengan penyimpanan rekod secara sistemik dari era Sumaria dan Mesir Purba. 2. Menerangkan sejarah permulaan penggunaan catatan bergu oleh ahli perniagaan Itali mulai tahun 1200 SM sehingga kepada zaman Luca Pacioli. 3. Menerangkan perkembangan sistem dan falsafah perakajaan berasaskan kebertanggungjawaban (accountability), amanah dan integriti. 4. Membedakan falsafah perakajaan Islam dan konvensional berasaskan konsep pendedahan dan konsep penemuan (disclosure vs discovery). 5. Menerangkan falsafah kos sejarah dan nilai saksama (historical dan fair value reporting) dalam sistem perakajaan. 6. Menerangkan perkembangan proses perakajaan secara manual dan berkomputer. 7. Menjelaskan maksud profesional. 8. Menjelaskan maksud perakajaan sebagai satu profesion. 9. Mengenal pasti ciri-ciri akauntan sebagai pemimpin. 10. Menerangkan tanggungjawab akauntan sebagai pemimpin. 11. Mengenalpasti kewujudan kod etika profesion perakajaan. 12. Mengenalpasti keperluan kod etika profesion perakajaan.	Penerangan Peta minda Aplikasi TMK – Laman Web Perisian Perakajaan Aktiviti kumpulan Sumbangsan Lawatan industri.

Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Bidang Pembelajaran
Penerangan Bahan maulud: (Jurnal, keratan akhbar dll) Laman web badan-badan perakaunan berkaitan.	1. Mengenal pasti bentuk-bentuk organisasi perniagaan. 2. Menyenalpastikan ciri-ciri perniagaan milikan tunggal, perkongsian, syarikat berhad dan koperasi. 3. Membanding dan membezakan ciri-ciri setiap organisasi perniagaan dari segi milikan, sumber modal dan liabiliti.	1.3 Bentuk Organisasi (a) Pengenalan kepada: (i) Milikan Tunggal (ii) Perkongsian (iii) Syarikat Berhad (iv) Koperasi (b) Perbezaan di antara: (i) Milikan Tunggal (ii) Perkongsian (iii) Syarikat Berhad (iv) Koperasi
Penerangan Buku skrap Peta minda Laman web Aktiviti kumpulan Kajian kes Lawatan Industri Ceramah Penerangan Penerokaan TMK	1. Menyatakan maksud perakaunan dan simpan kira. 2. Menjelaskan simpan kira sebagai asas perakaunan . 3. Menerangkan fungsi perakaunan dan simpan kira. 4. Membezakan antara perakaunan dengan simpan kira. 1. Membezakan perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan dengan tepat. 2. Membezakan perakaunan dengan pengauditan serta perakuan dengan pengauditan serta perakuan dengan tepat. 3. Menghubungkan perakaunan dengan pengauditan serta perakuan dengan tepat. 4. Menyenalpastikan kepentingan sistem maklumat perakaunan dengan tepat dan betul.	1.4 Perakaunan dan Simpan Kira (a) Takrif perakaunan dan simpan kira (b) Simpan kira sebagai asas perakaunan (c) Fungsi perakaunan dan simpan kira (d) Sub Bidang Perakaunan (i) Perakaunan Kewangan (ii) Perakaunan Pengurusan (iii) Audit (iv) Percukaian Sistem Maklumat Perakaunan

Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Bidang Pembelajaran
Penerangan Aktiviti kumpulan Aplikasi TMK Lawatan industri	1. Menerangkan sejarah perakaunan di Malaysia. 2. Menerangkan latar belakang badan-badan perakaunan di Malaysia. 1. Menerangkan fungsi badan-badan perakaunan di Malaysia.	1.5 Persekitaran Perakaunan Di Malaysia (a) Sejarah perakaunan di Malaysia (b) Badan-badan perakaunan di Malaysia: (i) Badan Kawal Selia – MIA (Regulatory Body) (ii) Badan Pengubal Piawalan – MASB (Standard Setting Body) (iii) Badan Profesional – (Professional Body)

Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Bidang Pembelajaran
Penerangan Kajian kes Aktiviti kumpulan Kad imbasan Teka silang kata Kuiz	1. Menerangkan konsep dan prinsip perakaunan. 2. Menjelaskan dengan contoh konsep dan prinsip perakaunan. 3. Menyatakan ciri-ciri kualitatif Penyata Kewangan.	1.6 Konsep, Prinsip dan Andaian Perakaunan serta Ciri Kualitatif Penyata Kewangan (a) Konsep, Prinsip Dan Andaian Perakaunan: (i) Usaha Berterusan (ii) Entiti Berasingan (iii) Ketekalan (iv) Materialiti (v) Wang Sebagai Ukuran (vi) Konservatisme (vii) Asas Perakaunan Akruan (viii) Tempoh Perakaunan (ix) Kos Sejarah (x) Pelaporan Berasaskan Nilai Sakama (xi) Catatan Bergu (b) Ciri Kualitatif Penyata Kewangan: (i) Kebolehfahaman (ii) Relevan (iii) Kebolehpercayaan (iv) Kebolehbandingan (v) Tepat Masa (Timeliness)

Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	1.7 Kitaran Perakaunan (a) Definisi kitaran perakaunan (b) Proses dalam kitaran perakaunan
Penerangan Aktiviti kumpulan Carta alir	1. Menjelaskan definisi kitaran perakaunan. 2. Melakarkan carta kitaran perakaunan. 3. Menangkan proses dalam kitaran perakaunan.	

TAJUK 2 : KLASIFIKASI AKAUN: ASET, LIABILITI, EKUITI PEMILIK, HASIL, BELANJA DAN AKAUN KONTRA

Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Bidang Pembelajaran				Kad imbasan Lakaran carta Peta minda Penerangan
	2.1 Aset	2.2 Liabiliti	2.3 Ekuiti Pemilik	2.4 Hasil	2.5 Belanja
	- Definisi aset - Pengelasan aset: - Semasa - Bukan Semasa	- Definisi liabiliti - Pengelasan liabiliti: - Semasa - Bukan Semasa	- Definisi Ekuiti Pemilik - Komponen Ekuiti Pemilik	- Definisi hasil - Pengelasan hasil - Hasil Kendalian - Hasil Bukan Kendalian	- Definisi belanja - Pengelasan belanja: - Kendalian - Bukan Kendalian
	- Menjelaskan definisi aset. - Mengkategorikan aset. - Mengenal pasti ciri-ciri setiap jenis aset. - Menyenaraikan contoh-contoh aset.	- Menjelaskan definisi liabiliti. - Mengkategorikan liabiliti. - Mengenal pasti ciri-ciri setiap jenis liabiliti. - Menyenaraikan contoh-contoh liabiliti.	- Menjelaskan definisi ekuiti pemilik. - Menunjukkan perubahan ke atas ekuiti pemilik kesan daripada ambilan, untung atau rugi.	- Menjelaskan definisi hasil. - Mengkategorikan hasil. - Mengenal pasti ciri-ciri setiap jenis hasil. - Menyenaraikan contoh-contoh setiap jenis hasil.	- Menjelaskan definisi belanja. - Mengkategorikan belanja. - Mengenal pasti ciri-ciri setiap jenis belanja. - Menyenaraikan contoh-contoh belanja.

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
2.6 Akaun Kontra (a) Definisi Akaun Kontra (b) Akaun Kontra mengikut pengelasan akaun	1. Mendefinisikan Akaun Kontra. 2. Menyebutkan akaun-akaun kontra. 3. Memadankan akaun kontra mengikut jenis akaun.	Penerangan Carta Lakaran Padanan
2.7 Carta Akaun (a) Definisi Carta Akaun (b) Fungsi Carta Akaun (c) Penyediaan Carta Akaun	1. Mendefinisikan carta akaun. 2. Menjelaskan kegunaan carta akaun. 3. Menyediakan jadual carta akaun.	Penerangan Perisian Applikasi TMK perakunaan
(d) Inventori : (i) Sistem Inventori Berkala (ii) Sistem Inventori Berterusan	1. Mendefinisikan inventori. 2. Membandingkan sistem inventori berkala dan berterusan.	Penerangan Kuiz
